



# Agama rasmi dalam masyarakat terbuka

Bahan asal dari Arikh  
Negara Malaysia

**BARU-BARU** ini majalah *Asean Forecast* yang beribupejabat di Singapura menemubual **DATUK MUSA HITAM**, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, Malaysia. Berikut disiarkan sambungan temubual itu: bahagian pertama disiarkan semalam.

□ **KERAJAAN** telah memberi penekanan kepada meninggikan syiar Islam di negara ini. Adakah ini satu langkah untuk menenteng kecaman Pas bahawa Umno tidak Islam atau adakah lain-lain alasan?

■ Penganalisa politik mungkin berkata demikian, walau apa sekalipun alasan yang saya beri. Tetapi biarlah saya terangkan dengan mudah dari sudut pandangan rakyat Malaysia.

Saya berbalik kepada penegasan saya bahawa pelancaran DEB dalam tahun 1970, dan perlaksanaannya dan rancangan yang sedang berjalan sekarang untuk mengesan kadar kejayaan dan kegagalannya adalah diaskan khususnya kepada perangkaan: setiap orang, khususnya orang Melayu, telah diberitahu berkali-kali — kamu capailah yang 30 peratus itu, kamu bekerja kuat, dan hantar anak kamu ke sekolah. Tetapi, jangan lupa dalam meningkatkan tahap orang Melayu kita cuba meningkatkan tahap orang atau sekumpulan orang dalam masyarakat yang memang pada asasnya berpegang pada cara lama, masih bersifat kelesaan dan feodal dalam ertikata bahawa mereka senantiasa patuh kepada pemimpin... dan mereka boleh dieksploit dengan cara itu, dari masyarakat itu ke zaman moden... dalam tempoh masa rancangan-rancangan 20 tahun. Kita boleh bayangkan berlaku kejutan kebudayaan. Apa yang terjadi? Mereka perlu berundur, dan sambutan kepada perubahan itu boleh jadi tidak baik.

Begini juga dengan suasana kebangkitan Islam jika kita kalkinya dengan suasana antarabangsa. Pada asasnya, apa yang sedang berlaku ialah dunia sekarang memfikirkan Islam sebagai agama unta dan padang pasir. Namun kebangkitan Islam bererti bahawa ia bukan lagi agama orang yang mundur... tetapi langkah yang dibuat

oleh dunia Islam dalam tempoh masa yang singkat juga menghasilkan kejutan kebudayaan. Oleh itu terdapat sambutan yang tidak baik. Iran adalah contoh yang paling baik di mana Shah Iran muncul sebagai lambang kebebasan yang melampau dengan kekeayaannya yang berlebihan. Jadi timbul pula apa yang dikatakan kumpulan-kumpulan "fundamentalis" yang berundur dan menyatakan dunia ini bukan milik kita.

Kami adalah masyarakat terbuka dan kami menyedari hakikat ini. Kami menggunakan (dakwaan-dakwaan) mereka jika kami fikirkan hanya baik. Di mana kami rasa ia tidak baik, kami tepikan. Kami mengaku beberapa perkara tertentu perlu dilakukan tetapi kami sentiasa mengingatkan rakyat — saya sentiasa menyatakan — Malaysia bukan Arab Saudi, Iran, Libya, Algeria, Indonesia, Pakistan. Malaysia ialah Malaysia. Dalam lain perkataan, Islam boleh disesuaikan. Kita perlukan Quran — segala-galanya ada di dalamnya — Ia akan memimpin kita ke arah apa-apa rancangan yang boleh secukupnya dengan keadaan di Malaysia.

□ Dalam pandangan Datuk tentang negara Malaysia yang berbilang kaum, apakah tugas negara Islam?

■ Apa yang dimaksudkan dengan negara Islam? Ini adalah satu soalan perundangan dan mungkin menimbulkan kontroversi: Malaysia bukan sebuah negara Islam. Ia adalah sebuah negara yang menggunakan Islam sebagai agama rasminya. Ini perlu diperjelaskan, tetapi masalahnya, apabila kita membincangkan keadaan di Malaysia, ialah kita menggunakan cara Barat untuk menentukan negara Islam atau bukan Islam, sekular atau bukan sekular. Apabila kita bercakap mengenai fundamentalisme — Ini adalah konsep Barat. Islam sebagai agama rasmi harus digunakan untuk mendidik umat Islam khususnya. Bahawa ini adalah negara mereka di mana setiap orang selain

dari beragama Islam mesti diberi kedudukan mereka yang sah. Kita juga mesti menunjukkan kepada bukan Islam bahawa Islam sesungguhnya sebuah agama yang menerima mereka.

Di pihak kami, kami tidak menerima konsep sebuah negara Islam dalam ertikata yang difafsirkan oleh orang Barat. Oleh itu perkataan sekular dan tidak sekular menjadi agak kontroversial.

Tetapi sekali digunakan ungkapan sekular atau tidak sekular, kita akan memiliki sudut pandangan yang sangat berlainan dari apa yang sepatutnya, dan kemudian dari situ kita mula mendapatkan penafsiran yang salah tentang Malaysia. Apabila mereka bercakap tentang golongan fundamental ( asas dan pokok) apa yang mereka maksudkan ialah golongan pelampau. Kami percaya bahawa kami adalah golongan fundamental kerana asas dan pokok ajaran Islam adalah baik. Hanya golongan pelampau yang menyatakan kita tidak boleh membenarkan selajap mendapat tempat di dalam masyarakat dan mereka yang bukan Islam tidak mempunyai peluang. Mengikut tafsiran kami tentang fundamental, Islam boleh disesuaikan, seimbang dan lojik. Tetapi kita tidak boleh lari dari kenyataan bahawa Malaysia adalah sebuah masyarakat berbilang bangsa, berbilang agama, di mana kumpulan bukan Islam adalah rasmi. Kita mesti memberi mereka tempat yang hak.

□ Tetapi, bukankah ini masalahnya? Ia adalah persoalan sudut pandangan, tentang bagaimana lain-lain penduduk, masyarakat bukan Islam, memerandangnya. Tidakkah usaha peranan kesedaran Islam boleh meningkatkan paras kesedaran ke satu peringkat sehingga anda mungkin mempunyai bimbang bahawa apa yang dikatakan golongan fundamen-

tal akan menggunakan langkah-langkah melampau?

■ Ya, tetapi kita harus melakukannya dalam ertikata umat Islam sendiri perlu diberi didikan mengenai ajaran-ajaran Islam ke arah kebajikan. Inilah yang sedang kami lakukan. Kami mahu menggunakan ajaran-ajaran Islam dengan cara yang baik seperti yang digalakkan oleh agama.

Kami mahu mempunyai sebuah masyarakat terbuka tetapi pada ketika yang sama jawapan tunggal untuk mencegah berbuat demikian ialah mewujudkan masyarakat yang tertutup. Tetapi kita bukan masyarakat tertutup. Apa yang penting ialah kita perlu mempunyai hubungan dengan mereka (umat Islam) dan memberitahu mereka.

□ Sesungguhnya semua ini harus bergerak di bawah satu tradisi yang sangat demokratik. Datuk harus membenarkan sebuah parti seperti Pas untuk bergerak, sebagai contoh. Adakah Pas, di bawah kepemimpinan baru, satu ancaman yang lebih besar sekarang?

■ Pada asasnya, Pas menggunakan agama dalam perjuangannya. Ia telah sentiasa menggunakan agama. Pemimpin yang ada sekarang juga menggunakan agama dengan meluang-laungkan bahawa kami adalah kafir. Baru-baru ini saya pergi ke kawasan tunggal yang dikuasai oleh Pas di Kedah. Saya memberitahu ahli-ahli Umno (supaya) berbangga menjadi ahli Umno kerana kita adalah parti Islam yang terbesar di Malaysia. Kita perlu menentang mereka menerusi penafsiran yang positif. Pelajaran akan memperbaiki kedudukan kita berbanding dengan mereka kerana mereka membuat penafsiran berasaskan tidak rasional, sentimen dan emosi semata-mata. Kita berasaskan lojik.